



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JMK316 – Sastera Rakyat: Teori Metodologi dan Analisis

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab soalan di Bahagian A (**WAJIB**) dan pilih **TIGA (3)** soalan daripada Bahagian B.

Baca soalan dengan teliti sebelum anda menjawab.

Bahagian A diperuntukkan 25 markah dan Bahagian B diperuntukkan 75 markah.

BAHAGIAN A (WAJIB) (25 markah)

1. Terdapat beberapa aspek teori Dokumen Budaya (*Cultural Document*) oleh Richard Hoggart yang meletakkan sastera rakyat sebagai cermin masyarakat silam. Bincangkan aspek teori Dokumen Budaya dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)

BAHAGIAN B (75 markah)

Pilih dan jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

2. Masyarakat silam sangat menjaga budaya *participatory* atau partisipatoris dalam kalangan mereka. Merujuk cerita rakyat jelaskan konsep budaya tersebut dan kepentingannya.

(25 markah)

3. Kedudukan cerita rakyat dalam tradisi lisan Melayu kurang mendapat tempat dalam kalangan masyarakat kini. Sebagai pengkaji sastera rakyat jelaskan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memelihara khazanah ini

(25 markah)

4. *Hikayat Anggun Che Tunggal* (1960) ialah salah sebuah cerita lipur lara Maritim Melayu yang sarat dengan latar perairan. Huraikan kenyataan ini.

(25 markah)

5. "Ini-lah hikayat pri meng-ata-kan chetera iang ter-lalu endah-endah, di-chetera-kan ulih orang iang empunya chetera ini, hilang wayat timbul chetera, hilang khabar timbul burita di-wayat ulih burong di-rimba jatoh ranting terbang-lah ia embun s'titek jatuh di-manja pada hilang waya, timbul chetera" (*The Hikayat Raja Budiman*, 1986).

Berdasarkan petikan ini, bincangkan kedudukan lipur lara sebagai tukang cerita yang berwibawa.

(25 markah)

6. Cerita jenaka dan binatang ialah cerita rakyat yang menarik dalam kalangan masyarakat Melayu silam sehingga kini. Sejauh manakah cerita-cerita tersebut memperlihatkan kebijaksanaan masyarakat Melayu pada

.../3-

masa silam dalam menegur antara satu sama lain.

(25 markah)

- oooOooo -